

## Kenyataan Media

---

Panasonic ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan kerana terus membeli produk syarikat kami.

Baru-baru ini, kami dimaklumkan bahawa terdapat bateri tiruan berjenama Panasonic yang dijual kepada pengguna Malaysia di pasaran dalam talian. Bateri tiruan ini mempunyai kualiti yang lebih rendah dan tidak memenuhi jangkaan tinggi pelanggan terhadap jenama Panasonic.

Keselamatan pelanggan menjadi keutamaan kami dan jualan produk yang melanggar undang-undang termasuk barangan tiruan adalah dilarang sama sekali. Panasonic Malaysia bekerjasama rapat dan membantu pihak berkuasa, dan pihak-pihak lain yang berkenaan untuk menyiasat latar belakang insiden yang berlaku.

Dalam satu kes baru-baru ini, serbuan telah dilakukan di Pahang ke atas penjual produk tiruan dalam talian. Menerusi kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sejumlah 5,969 bateri tiruan bernilai RM24,969 telah dirampas untuk mencegah pengedaran kepada pengguna Malaysia. Barangan yang dirampas berasal dari China dan dipesan di Malaysia menerusi WeChat.

Kami menguatkuasakan peraturan yang ketat dan akan mengambil tindakan serta-merta terhadap wakil penjual dan peruncit yang melanggar terma dan syarat perniagaan kami. Semua wakil penjual dan peruncit sah Panasonic mesti menunaikan kewajipan mereka di bawah kontrak seperti yang dipersetujui dengan Panasonic, khususnya menjalankan aktiviti jualan dengan sewajarnya dan melindungi hak milik intelektual.

Kami mempunyai sistem pemeriksaan dan kawalan yang mantap dengan dasar dan langkah ketat untuk menyekat perdagangan haram dan penipuan berkaitan produk Panasonic. Panasonic mempunyai dasar toleransi sifar terhadap produk tiruan, yang pada hakikatnya mengambil kesempatan daripada reputasi jenama Panasonic yang kukuh di samping menjejaskan kepercayaan pelanggan kami.

Panasonic Malaysia akan terus berusaha memastikan bahawa wakil-wakil penjual sah dan peruncit kami menyediakan pengalaman membeli yang selamat untuk semua. Para pembeli digalakkan membuat laporan jika mereka mendapati mana-mana peruncit yang menjual produk tiruan.

Untuk mengelakkan diri daripada terpedaya atau membeli produk tiruan, Panasonic Malaysia mencadangkan agar pelanggan kami membeli produk Panasonic daripada rakan niaga sah bertauliah Panasonic dan juga gedung runcit yang boleh dipercayai

- [Gedung Dalam Talian Rasmi Panasonic](#)
- [Gedung Utama Panasonic di Lazada](#)
- [Gedung Rasmi Panasonic di Shopee](#)

Panasonic akan terus memantau pasaran dan akan mengambil tindakan undang-undang tegas terhadap penjualan sebarang barang tiruan. Inilah tanggungjawab Panasonic Malaysia terhadap pelanggan dan kakitangan kami dan juga orang ramai untuk menjamin keyakinan dan memberikan ketenangan fikiran. Sesungguhnya, kami ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan berterusan yang diberikan terhadap Panasonic.

- TAMAT -

## **Mengenai Kumpulan Panasonic**

Panasonic Corporation ialah peneraju global yang membangunkan teknologi dan penyelesaian inovatif untuk pelbagai aplikasi dalam sektor elektronik pengguna, perumahan, automotif, industri, komunikasi dan tenaga di seluruh dunia. Pada 1 April 2022, Kumpulan Panasonic bertukar kepada sistem operasi syarikat dengan Panasonic Holdings Corporation berkhidmat sebagai syarikat induk, di mana lapan syarikat diletakkan di bawah naungannya.

Ditubuhkan pada 1918, Kumpulan Panasonic komited untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta menjalankan perniagaannya berdasarkan prinsip pengasas yang digunakan untuk menjana nilai baharu dan menawarkan penyelesaian yang mampan untuk dunia hari ini. Kumpulan Panasonic melaporkan jualan bersih disatukan berjumlah 7,388.8 bilion yen untuk tahun berakhir 31 Mac 2022. Bertekad untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, Kumpulan Panasonic bersatu dalam menyediakan produk dan perkhidmatan unggul untuk membantu semua *Live Your Best*. Layari <https://www.panasonic.com/global> untuk maklumat lanjut tentang Kumpulan Panasonic.

## **Mengenai Panasonic Malaysia**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran bagi produk elektrik dan elektronik jenama Panasonic, termasuk produk audiovisual, perkakas rumah, pendingin udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, kelengkapan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan penjagaan kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi wakil-wakil penjual sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang jenama dan produk, kunjungi laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

## **Hubungan Media**

### **Hoh Li Jiun**

Pengurus Besar

Jabatan Komunikasi Pemasaran

### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: [lijiun.hoh@my.panasonic.com](mailto:lijiun.hoh@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7695

### **Mazlee Mokhtar**

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

Pejabat: +603-7809 7877